


DATE: 29/06/2007



GAMBAR ATAS.... Tetamu khas Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah, Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Nasser Al Mohammad Al Ahmad Al Sabah sedang diraikan dengan jamuan minum teh.



Perdana Menteri Kuwait sedang mendengar dengan teliti sesuatu yang dikatakan oleh Tun Dr Mahathir.>

PERDANA MENTERI KUWAIT KUNJUNGI DR MAHATHIR

ERA BARU - 29/6/2007.



Tun Dr Mahathir yang kelihatan ceria bersalaman dengan Perdana Menteri Kuwait.

Oleh : WARTAWAN ERA BARU

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali telah menerima kunjungan hormat dari Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Nasser Al Mohammad Al-Ahmad Al-Sabah di kediamannya di "Seri Cahaya" The Mines Resort City, Seri Kembangan Selasa lalu. Perdana Menteri Kuwait itu berada di Malaysia untuk menghadiri Forum Ekonomi Islam Dunia (OIC) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pertemuan diantara kedua pemimpin itu yang mengambil masa hampir satu jam berjalan dalam keadaan mesra sungguhpun pertemuan tersebut adalah kali pertama mereka bersua kerana Perdana Menteri Kuwait baru itu menjawat jawatan Perdana Menteri.


Difahamkan kedua pemimpin telah membincangkan beberapa isu politik di Lubnan, Iraq, Palestin dan perkembangan dalam OIC. Beliau juga, menyentuh tentang pembangunan Putrajaya yang beliau tahu adalah *brainchild* Dr Mahathir. Dr Mahathir pula membangkitkan tentang pelaburan Kuwait di Malaysia dan menggalakan negara itu supaya menambah pelaburannya di Malaysia.

Perdana Menteri Kuwait itu jelas mahu mendapatkan buah fikiran Tun Dr Mahathir yang sudah terkenal dan masih di sanjung tinggi di dunia Arab. Dalam masa yang sama Perdana Menteri Kuwait itu telah menyampaikan salam hormat dan doa dari Emir Kuwait yang bimbang di atas kesihatan Dr Mahathir yang baru-baru ini di masukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) untuk mendapat rawatan.

Emir Kuwait telah bekenalan dengan Tun Dr Mahathir dan kerap bertukar-tukar pendapat ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri dan difahamkan Emir Kuwait telah mengahankan Perdana Menteri supaya mengunjungi Tun Dr Mahathir untuk bertanya khabar tentang kesihatannya.

Sementara itu Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah telah di undang untuk membuat lawatan ke Kuwait bila-bila masa yang sesuai bagi Tun Dr Mahathir.

Disiarkan disini beberapa keping gambar yang telah dirakamkan oleh **ERA BARU**.



Kelihatan Perdana Menteri Kuwait begitu mesra berjalan keluar sambil mengepit tangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad setelah di adakan perbincangan.



Perdana Menteri, Kuwait Sheikh Nasser Al Mohammad Al Ahmad Al Sabah di sambut oleh Tun Dr Mahathir sejeurus tiba di kediaman Tun di "Seri Cahaya" The Mines Resort City, Seri Kembangan.

Perdana Menteri Kuwait, menyatakan sesuatu > sambil di dengar oleh Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah.

